

18/11/1997

Kampung Repoh ada hompej

IPOH, Isnin - Kampung Repoh di Batu Kurau dipercayai kampung pertama di Malaysia mempunyai hompej sendiri untuk memanfaatkan teknologi maklumat (IT) melalui penubuhan Pusat Perkhidmatan Internet.

Hompej itu yang dilancarkan Julai lalu hasil Program Limpahan Intelektual anjuran kampung itu oleh penuntut Kolej Tun Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Serentak itu, Yayasan Perak hari ini menyumbangkan dua unit komputer berkuasa tinggi dilengkapi Internet untuk kemudahan Pusat Perkhidmatan Internet berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Batu Kurau, Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar, berkata Kampung Repoh juga bertuah kerana menjadi kampung pertama di Perak menerima sumbangan komputer daripada yayasan itu.

Menurutnya, beliau sendiri memohon kepada Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, yang juga Pengerusi Yayasan Perak untuk bantuan komputer bagi melengkapkan Pusat Perkhidmatan Internet Kampung Repoh.

"Saya berani meminta sumbangan komputer daripada Yayasan Perak untuk kemudahan Pusat Perkhidmatan Internet selepas melihat hasil program penuntut UTM di Kampung Repoh.

"Selain itu, usaha ini sebagai menyahut gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ramli yang mahukan masyarakat didedahkan dengan maklumat," katanya selepas menyampaikan dua unit komputer kepada Ketua Kampung Repoh, Ramli Baharin di pejabatnya di sini, petang ini.

Hadir sama, Pengurus Pentadbiran Yayasan Perak, Abdul Jamil Mat Kasa; Pengetua Kolej Tun Razak UTM, Kamaruddin Kassim; serta Pengarah Projek Limpahan Intelektual, Nurazariah Abidin.

Sementara itu, Ketua Kampung Repoh ketika ditemui berkata, komputer itu akan ditempatkan di pejabat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) bagi kegunaan ahli serta masyarakat kampung.

Katanya, penduduk di kampung berdekatan juga boleh memanfaatkan kemudahan yang disediakan di situ.

(END)